

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SKW103 - Pengantar Sains Politik

Masa : [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

1. Antara pendekatan yang paling berleluasa dalam kajian ilmu politik ialah pendekatan sistem yang melihat politik sebagai proses pengagihan nilai oleh pihak berkuasa yang berlaku dalam satu rangka sistem input-output dan maklumbalas dalam suasana sekelilingnya yang tertentu. Huraikan pendekatan sistem ini dan nilaiakan kekuatan dan kelemahannya.

[100 markah]

2. Apakah yang anda fahamkan dengan konsep "ideologi"? Apakah peranannya dalam proses pengagihan nilai dalam masyarakat? Dalam konteks perhubungan dan konflik antarabangsa, apakah fahaman anda tentang perdebatan-perdebatan "End of Ideology", "End of History", dan "Clash of Civilizations"?

[100 markah]

3. Anda telah dijemput untuk memberi taklimat di Sekolah Menengah tentang "Demokrasi". Anda diminta supaya taklimat anda itu merangkumi konsep demokrasi sebagai satu ideologi, falsafah, cara hidup dan sikap dan juga sebagai satu kaedah sebenar kerajaan dan pemerintahan. Tuliskan teks penuh taklimat anda itu.

[100 markah]

[SKW 103]

4. "Idea kerajaan demokratik yang dikawal kuasanya untuk mengelakkan pemerintahan tirani telah diterjemahkan kepada konsep kawalan institusional melalui tiga cabang kerajaan yang sambil kawal-mengawal. Namun usaha penyeimbangan kuasa melalui kaedah ini gagal untuk mengawal peningkatan sebenar kuasa eksekutif ... yang jelas telah menjadi semakin berkuasa". Huraikan pandangan di atas.

[100 markah]

5. Antara asas utama negara demokratik ialah kerajaan yang mewakili rakyat, yang mendapatkan kuasa memerintah melalui persaingan terbuka untuk mendapatkan undi rakyat. Asas ini yang menghasilkan institusi parti politik dan pilihanraya dalam sistem politik moden. Bincangkan "parti politik" dan "pilihanraya" dalam konteks persoalan perwakilan, dan persaingan khasnya dan persoalan penyertaan politik amnya.

[100 markah]

-- oo oOo oo --